

Penilaian Impak Alam Sekitar

Penilaian impak alam sekitar (EIA) merupakan komponen penting yang termaktub di dalam RPH kerana berasaskan kepada prinsip pembangunan yang sesuai dengan alam semula jadi (*development befitting to nature*). Segala bentuk pembangunan dan pengurusan hutan perlu selaras dengan fungsi ekologi semula jadi supaya keseimbangan ekosistem tidak terganggu dan habitat biodiversiti dapat terus terpelihara. EIA seharusnya dapat menentukan kesan langsung dan tidak langsung aktiviti pengurusan hutan terhadap ekosistem sekeliling. Proses penilaian ini dijalankan selaras dengan kehendak Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) 1987, yang mewajibkan semua aktiviti yang berpotensi memberi kesan besar terhadap alam sekitar dikaji secara menyeluruh.

Penilaian dijalankan melalui analisis data sekunder, kajian lapangan, konsultasi dengan pihak berkepentingan serta kaedah analisis matriks impak-mitigasi. Berdasarkan penilaian ini, langkah-langkah mitigasi dirangka seperti pewujudan zon penampungan di kawasan sungai, penggunaan teknik pembalakan impak rendah, serta pemantauan kualiti air secara berkala.

Pelaksanaan EIA juga berperanan menyokong keperluan pensijilan hutan di peringkat nasional dan antparabangsa. Audit tahunan dijalankan bagi memastikan segala syarat yang ditetapkan dalam laporan EIA dipatuhi, dan laporan pematuhan diserahkan kepada agensi berkaitan untuk tujuan pemantauan. Dengan itu, pengurusan hutan dapat dilaksanakan tanpa menjejaskan integriti ekosistem yang menjadi asas kelestarian sumber semula jadi.